

sd uollio mks T8

Insurans berkelompok lindungi penuntut UMT

MENGABANG TELIPOT - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Jabatan Kesihatan sentiasa meletakkan kebijakan dan pendidikan penuntut sebagai aspek utama seiring usaha melahirkan graduan cemerlang.

Pengarah Pusat Kesihatan UMT, Dr Arnie A Rahim berkata, pencapaian cemerlang penuntut mampu dibentuk sekiranya kepentingan mereka sentiasa diambil kira pihak pengurusan bagi membolehkan mereka belajar tanpa kebimbangan.

"Sebagai jabatan (Pusat Kesihatan) yang bertanggungjawab memastikan kebijakan penuntut terjamin, kami sentiasa mengambil tindakan dan menghulurkan bantuan segera bagi mana-mana penuntut bermasalah.

"Malah, setiap penuntut kita (UMT) turut mendapat perlindungan insurans yang dicarum secara berkelompok dan ia adalah pendekatan terbaik bagi



● Arnie (lima dari kanan) menyaksikan penyampaian cek disampaikan Yahaya (dua dari kanan) kepada wakil keluarga penuntut UMT yang meninggal dunia.

melindungi mereka sekiranya ditimpa kemalangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Sinar Harian* pada Majlis Penyerahan Cek Tuntutan Insurans Takaful Keluarga Berkelompok oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (Hepa), Profesor Dr Yahaya Ibrahim di Bilik Mesyuarat Penguru-

san Harta, di sini.

Majlis penyerahan tuntutan insurans itu diberikan kepada wakil keluarga dua bekas penuntut yang meninggal dunia dalam dua kes kematian berasingan.

Kedua-dua mereka adalah penuntut Jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial, Fakulti Pengurusan Ekono-

mi, Eddy Azlan Ali, 20.

Allahyarham yang berasal dari Dungun, adalah anak sulung daripada dua beradik, meninggal dunia akibat kemalangan awal Mei lalu.

Sementara seorang lagi adalah Allahyarham Nurul Diyana Roslan, 21, yang berasal dari Bukit Payong, Marang.